

# Jatuh gaung diacah anjing

Pelajar kolej nyaris maut kereta terbabas, berpusing beberapa kali elak haiwan cuba lintas jalan

>>Oleh Iskandar Shah Mohamed

iskandar@hmetro.com.my

**M**ANTIN: “Sejurus tiba di tempat kejadian, saya nampak seekor anjing seperti mengacah untuk melintas menyebabkan saya cuba mengelak, tetapi terbabas serta terjunam ke dalam gaung.

“Saya memegang stereng kereta dengan kuat dan selepas itu mendapati kereta sudah terbalik dalam anak sungai lalu bergegas keluar kerana enjin mula terbakar,” kata R Ganeshkumar, 24.

Perjalanan penuntut kolej swasta yang pulang bercuti dari rumah keluarganya menjadi detik mengerikan apabila kereta Toyota Corolla



**SELAMAT...keadaan kereta Ganeshkumar (gambar kecil) yang terjunam ke dalam gaung.**

FOTO | Hazreen Mohamad

dipandunya terjunam ke dalam gaung di Jalan Bukit Mantin di sini, malam kelmarin.

Dalam kejadian pada jam 10 malam, anak kedua daripada tiga beradik itu bagaimanapun bernasib baik

kerana terselamat dan hanya cedera ringan selepas berjaya merangkak keluar dari gaung untuk meminta bantuan.

Menurut Ganeshkumar, dia baru saja selesai menghabiskan cuti di rumah keluarganya di Lukut, Port Dickson dan dalam perjalanan pulang ke asrama sebuah kolej di sini.

“Selepas cuba mengelak daripada melanggar anjing itu, kereta terjunam ke dalam gaung dan beberapa kali berpusing sebelum terbalik.

“Dalam keadaan cedera, saya keluar melalui pintu penumpang dan memanjat naik ke jalan utama untuk meminta bantuan,” katanya ketika ditemui di tempat kejadian, semalam.

Dia yang menghubungi rakannya untuk dibawa ke hospital tidak menyangka terselamat dalam kejadian itu dan bersyukur kerana hanya

mengalami cedera ringan pada tangan, pinggang dan dada.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Mantin, Penolong Kanan Penguasa Bomba, Mazlan Husin berkata, pihaknya bergegas ke lokasi kejadian sejurus menerima panggilan awam pada jam 11.51 malam.

Seramai enam pegawai dan anggota bersama satu jentera dikerah untuk operasi mencari dan menyelamatkan mangsa. Bagaimanapun, mangsa tidak ditemui dan operasi terpaksa dihentikan pada jam 1.07 pagi.

“Operasi disambung pada jam 8.26 pagi tadi (semalam) di sekitar kawasan itu menemui sebuah kereta tanpa pemandu,” katanya.